

Institusi kewangan diminta proaktif biaya usahawan ICT

BH 3 1 AUG 2002

Oleh Kadir Dikoh

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad meminta institusi kewangan tempatan supaya lebih proaktif memberi pembiayaan kepada usahawan sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta bioteknologi.

Perdana Menteri berkata, keutamaan yang diberikan kerajaan terhadap ICT dan bioteknologi dibuat sejajar usaha merapatkan jurang maklumat dan digital antara-bangsa.

"Pembiayaan adalah halangan utama untuk syarikat tempatan dan kita sedar bahawa untuk menentukan

pertumbuhan sektor ini, industri kewangan tempatan mesti bersikap proaktif.

"Kerajaan tahu bahawa institusi kewangan termasuk bank dan syarikat modal terbuka kini beroperasi mengikut kemampuan sendiri dalam menyediakan sokongan pembiayaan kepada pelbagai syarikat ICT," katanya melancarkan perkhidmatan dan identiti korporat Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV), di Kuala Lumpur, semalam.

MDV menerusi anak syarikatnya, Mavcap Debt Ventures Bhd (Mavcap) menyediakan dana kepada semua industri dalam bidang ICT, bukan hanya pembangun

perisian atau usahawan teknologi.

Ia adalah skim pertama di Asia untuk pembiayaan hutang bagi projek.

Mavcap memperuntukkan dana RM1.6 bilion yang diperolehi daripada Bank Jepun Bagi Kerjasama Antarabangsa (JBIC) dalam bentuk pinjaman tidak terikat bagi membantu memajukan ICT.

Dana yang akan disalurkan dalam 15 bahagian sepanjang empat tahun sesetengah itu dibahagi kepada tiga skim iaitu Pinjaman Berasaskan Projek, Jaminan dan Pembiayaan Eksport.

Dr Mahathir bagaimana pun berkata, melalui kemu-

dahan pembiayaan RM1.6 bilion oleh kerajaan Jepun itu, syarikat yang menjalankan perniagaan tambah nilai berkaitan ICT dan kontrak, kini berpeluang terus maju.

"Saya gembira projek pembiayaan hutang ini akan menjadi ujian untuk penyelesaian kewangan inovatif bagi ICT dan syarikat teknologi tinggi di Asia serta negara pasaran baru," katanya.

Beliau berkata, kejayaan negara dalam sektor ICT dan kemunculan sektor bioteknologi bergantung kepada kesungguhan di kalangan usahawan tempatan.

Dalam konteks itu katanya, sektor ICT dan biotek-

nologi memerlukan usahawan yang bukan saja mempunyai kelayakan akademik, malah sifat ingin meneroka, inovatif dan kreatif.

"Saya yakin kemudahan pembiayaan yang mesra pelanggan ditawarkan oleh Malaysia Debt Ventures ini akan membantu menjayakan perniagaan mereka.

"Kepada warga negara yang muda, saya nyatakan anda perlu cukup berani untuk menerjah ke depan. Anda mungkin menemui sesuatu baru yang boleh membanggakan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, usaha mengurangkan jurang maklumat dan digital antara-

bangsa dapat dilakukan kerana Malaysia banyak belajar daripada projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Negara sudah banyak belajar daripada pengalaman MSC, dan dengan wujudnya Lembah-Bio nanti, kita yakin Malaysia terus maju mengurangkan jurang maklumat dan digital antarabangsa," katanya.

Perdana Menteri berkata, setiap tahun kerajaan menyediakan peruntukan besar untuk pembangunan ICT di negara ini.

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005), sebanyak RM7 bilion disediakan untuk sektor berkeajaan.